

04/09/2005

Pemikir

BAGAIMANA PEMIKIRAN GOLONGAN PEMIKIR DI MALAYSIA

Oleh: Ravichandran D.J Paul

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- `Cogito ergo som' ialah ungkapan bahasa Latin seorang pemikir terkemuka Rene Descartes yang bermaksud "saya berfikir, oleh itu saya wujud".

Dalam erti kata lain sebagai manusia yang dikurniakan dengan akal, mereka akan berfikir dan dengan berfikir, berlaku kebangkitan tamadun manusia dan kejayaan daripada usaha-usaha mereka.

Awal minggu lepas gaya pemikiran manusia dianalisis dalam satu seminar mengenai kuasa pemikiran umat manusia. Seminar dua hari itu, sesuatu yang di luar kelaziman, bermula pada 29 Ogos dan dianjurkan Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Seminar itu mengupas bagaimana golongan pemikir berfikir, apa itu yang dikatakan pemikiran inovatif, pemikiran kreatif, berfikir semasa krisis, bagaimana pemikiran seorang penjenayah, fungsi otak dalam proses pemikiran dan lain-lain.

Ia bermula dengan nada yang bersemangat apabila Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri yang kebijaksanaannya dipuji ramai pihak sehingga hari ini, menyampaikan ucaptamanya.

Penghujung seminar ini juga tidak kurang hebat dengan penyampaian yang merangsang minda oleh Dr Chandra Muzaffar, presiden International Movement for a Just World dan orang yang sentiasa lantang menyuarakan pemikirannya.

Seminar itu merupakan "pembuka mata" kerana ia mendedahkan bagaimana rakyat Malaysia sudah leka terhadap "proses pemikiran" dengan peralihan masa. Dan pada masa yang sama para peserta juga ingin mengetahui rahsia di sebalik kehebatan minda Dr Mahathir yang tidak menunjukkan tanda-tanda keupayaannya untuk berfikir mula berkurangan, walaupun orangnya kini sudah mencapai usia 80 tahun.

Jadi bagaimanakah cara orang ini berfikir? Seorang peserta bertanya sama ada terdapat perkaitan antara pemakanan beliau dengan keupayaannya untuk berfikir. Seorang lagi bertanya sama ada beliau merupakan bukti bahawa kuasa pemikiran terus meningkat dengan usia.

Tetapi Dr Mahathir mengecewakan ramai apabila memberitahu seminar itu yang beliau berfikir seperti mana orang lain juga dan menolak pelbagai tanggapan yang dikaitkan dengan kebijaksanaannya.

Mungkin rahsia Dr Mahathir tersirat dalam kenyataannya: "Saya bukan sahaja berfikir tetapi juga mengamati dan mengkaji dengan teliti. Semasa dalam perjalanan, saya melihat dengan teliti, membuat bandingan akan apa yang saya lihat. Saya tidak hanya menerima begitu sahaja apa yang dilihat, anda tidak boleh percaya sepenuhnya apa yang anda lihat atau dengar. Jangan terburu-buru membuat kesimpulan tanpa berfikir."

"Dalam membuat keputusan kita juga perlu buat perbandingan," katanya memberikan contoh jalan penyelesaian bagi krisis kewangan pada 1997. "Kami membandingkan kesemua pilihan yang ada satu persatu termasuk sama ada kami perlu mempertimbangkan pakej IMF yang akan merampas kedaulatan kita. Kemudian memilih pilihan terbaik bagi negara."

Anda juga perlu berfikir dengan mendalam dan melihat maksudnya daripada sudut yang lebih luas, katanya.

Mengenai ini, Dr Mahathir merujuk kepada kelemahan dalam pemikiran sesetengah umat Islam yang mereka perlu menunggang kuda bagi mempertahankan ummah semata-mata kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad saw.

"Tidak bermakna hari ini kita perlu pergi berperang dengan kuda," katanya sedangkan Dr Mahathir menjelaskan bahawa Sunnah itu membawa maksud

yang mendalam dan luas iaitu anda perlu memikirkan segala sumber yang ada untuk mempertahankan Ummah.

Seperti lazimnya Dr Mahathir menunjukkan kebijaksanaan dan pandai berjenaka pintar semasa menjawab setiap pertanyaan peserta yang jelas kagum dengan kebolehanannya itu. Seinggakan seorang peserta dari Mauritius bertanya sama ada dunia Islam hari ini perlu berterima kasih kepada Malaysia daripada segi pemikiran yang dihasilkan.

Dr Mahathir menjawab dengan rendah hati: "Tidak, ia bukan satu-satunya sumber kebijaksanaan. Terdapat yang lain."

Dr Mahathir berpendapat rakyat Malaysia mesti banyak berfikir kerana negara masih perlu berusaha dari segi pembangunan. Beliau mahu rakyat Malaysia mengubah cara pemikiran mereka dan menerima hakikat bahawa ada yang lain yang lebih baik dan lebih berjaya berbanding mereka.

Sementara Dr Mahathir mengupas bagaimana pemikir berfikir, Dr Chandra Muzaffar pula menyentuh mengenai `proses pemikiran' di negara ini sejak mencapai kemerdekaan.

Chandra mendedahkan banyak fakta menarik khususnya apabila beliau menunjukkan bahawa Malaysia telah membuktikan kepada dunia yang negara tidak memerlukan ramai pemikir dalam barisan kepimpinan untuk berjaya.

Pada masa yang sama beliau juga menunjukkan bahawa Malaysia telah melalui pemikiran yang luas dengan mod dominan pada paradigma etnik dan agama dalam sebuah masyarakat majmuk. Beliau berkata sebenarnya para pengasas negara ini telah berfikir melampaui apa yang kita lihat hari ini.

Beliau berkata di kalangan bekas pemimpin negara ini, hanya Dr Mahathir yang menunjukkan ciri-ciri seorang pemikir, bapa Kemerdekaan Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj sebenarnya bukanlah daripada golongan pemikir tetapi mempunyai gerak hati yang kuat, penggantinya Tun Abdul Razak Hussein merupakan pentadbir yang cemerlang dan Tun Hussien Onn pula mempunyai integriti yang tinggi.

Negara seperti India yang mencapai kemerdekaan lebih awal mempunyai para pemikir terkemuka yang menggubal perlembagaannya, daripada Jawaharlal Nehru, seorang yang mempunyai minda bijak, hinggalah kepada presiden kedua S. Radhakrishnan, seorang ahli falsafah.

Tetapi India gagal menyerlah sehingga baru-baru ini dan Malaysia dalam tempoh singkat 48 tahun selepas kemerdekaan, dikagumi dunia kerana pencapaiannya.

Walaupun pencapaian cemerlang itu, Chandra berkata terdapat tanda-tanda kita semakin leka, sekurang-kurangnya dalam cara kita berfikir.

Beliau menarik perhatian terhadap cadangan Penerbangan Malaysia dan Proton untuk melantik CEO daripada kalangan warga asing sebagai contoh terbaik.

Chandra berkata dengan berbuat demikian, "apa yang sebenarnya kita mahu buat ialah membiarkan warga asing berfikir untuk kita. Inilah apa yang dapat kita lihat di negara-negara Asia Barat kaya di mana warga asing yang memikirkan kesemuanya dan merekalah yang melakukan segala-galanya."

Kekecewaan terhadap cadangan pelantikan warga asing itu turut disuarakan Dr Mahathir dalam ucaptamanya sebelum itu dengan berkata "malangnya inilah aliran pemikiran di negara kita hari ini."

Chandra juga kecewa dengan minda golongan cendekiawan di negara ini: "Saya rasa pemikiran statik golongan cendekiawan merupakan masalah besar dan sebahagian besarnya kerana sikap mereka yang tidak kritikal terhadap kuasa dan pihak berkuasa. Mereka nampaknya keberatan untuk menilai kuasa dan cara kerjanya".

Seminar itu juga mendedahkan kurangnya daya pemikiran dalam media tempatan kerana "jarang ada rencana yang merangsang minda ataupun yang menunjukkan pemikiran reflektif".

"Bukan seperti rakan-rakan mereka di negara-negara maju, media di sini

nampaknya sekadar menurut apa yang dikatakan oleh pemimin-pemimpin dunia," kata Chandra merujuk kepada muslihat bijak Israel di Gaza dan apa yang dikatakan sebagai globalisasi yang tidak menerima penilaian kritikal media tempatan.

Sebelum itu Datuk A.Kadir Jasin, seorang wartawan veteran, yang bercakap mengenai `pemikiran wartawan' berkata media di sini nampaknya telah memfrancais pemikiran kepada beberapa pemikir seperti Dr Mahathir.

"Tetapi malangnya kita tidak mempunyai ramai Dr Mahathir," kata Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn.Bhd itu.

Sementara seminar itu telah mendedahkan kepada para peserta mengenai bagaimana cara kerja minda pemikir-pemikir terkemuka sehinggalah kepada golongan penjenayah, masalah duniawi dalam masyarakat hari ini seperti membuang sampah di merata-rata, kurangnya kesedaran sivik, keganasan jalan raya dan masalah sosial menunjukkan proses pemikiran yang cacat ataupun kurangnya pemikiran dilakukan.

"Kita sebenarnya tidak perlu menjadi pemikir terkemuka untuk menyelesaikan masalah semasa masyarakat ataupun menunggu seorang pemikir terkemuka muncul untuk membantu kita, kita semua boleh bermula dengan mengubah cara pemikiran kita kepada yang lebih baik."

-- BERNAMA

PR PR RON